

CONTOH NOTIFIKASI YANG AKAN DITERIMA OLEH PEMOHON DALAM SISTEM PSCR

1. NOTIFIKASI PEMOHON YANG BARU MENGAKTIFKAN AKAUN PSCR BAGI ORANG RAMAI DAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

Assalamu'alaikum / Salam Sejahtera,

Sila sahkan akaun awda di [aktifkan pautan](#) sebelum ianya mansuh pada 24 jam.

Setelah akaun awda diaktifkan, awda akan dapat membina profil dan juga memuatnaik semua dokumen serta sijil-sijil yang berkenaan ke dalam portal ini. Sebagai persiapan awal, awda disarankan untuk membuat salinan scan di dalam format pdf terlebih dahulu.

Sekian sahaja disampaikan.
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam

2. NOTIFIKASI BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM YANG TELAH DISAHKAN OLEH POINT OF CONTACT (POC) KEMENTERIAN / JABATAN

Assalamu'alaikum / Salam Sejahtera,

Sukacita memaklumkan bahawa permohonan awda bagi PEGAWAI KERJA KANAN telah disahkan dan dihadapkan oleh POC Kementerian / Jabatan awda.

Sekian sahaja disampaikan.
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam

3. NOTIFIKASI BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM YANG TELAH DITOLAK OLEH POINT OF CONTACT (POC) KEMENTERIAN / JABATAN

Assalamu'alaikum / Salam Sejahtera,

Dukacita memaklumkan permohonan awda bagi PEGAWAI KERJA KANAN telah tidak dipertimbangkan oleh POC Kementerian / Jabatan awda.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam

4. NOTIFIKASI TIDAK DIPERAKUKAN BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Assalamu'alaikum / Salam Sejahtera,

Terima kasih kerana telah memohon jawatan TUKANG PELAN. Walau bagaimanapun, dukacita memaklumkan bahawa awda tidak diperakukan untuk jawatan tersebut kerana tidak memenuhi syarat kelayakan minimum atau melebihi tahap kelayakan yang diperlukan.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam

5. NOTIFIKASI PANGGILAN UJIAN BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

Yang Mulia,
Awang Mohammad bin Ahmad (Index Number: 1)

Assalamu'alaikum/Salam Sejahtera,

Dengan hormat, merujuk permohonan awda bagi jawatan **PEGAWAI KERJA KANAN di KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2015/0028/03)**.

Sehubungan dengan itu, sukacita awda akan dapat hadir untuk menjalani ujian bertulis bagi jawatan berkenaan yang akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh/Jam : **15/12/2015 9:00AM-12:00PM**

Tempat : **SPA Tingkat 1**

PERHATIAN

1. Sila bawa Kad Pengenalan asal.
2. Sila bawa keperluan alat tulis seperti PEN, PENSIL 2B, PEMADAM dan PENGASAH PENSIL.
3. Sila hadir 15 minit sebelum ujian.
4. Sila pakai pakaian yang menutup aurat dan kemas.
5. Jika awda tidak hadir ujian pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan maka awda adalah dikira menarik diri dan permohonan awda tidak berjaya.
6. Calon-calon yang diperakukan selepas ujian akan dimaklumkan lebih awal untuk menjalani temuduga sementara calon-calon yang tidak diperakukan akan dimaklumkan kemudian.
7. Jika awda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ujian bertulis, sila hubungi 2381961 sambungan 559.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam

NOTA: Sila rujuk emel terkini yang awda terima untuk mengetahui jadual ujian bertulis awda.

6. NOTIFIKASI PENOLAKKAN SELEPAS UJIAN BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

**Yang Mulia,
Awang Mohammad bin Ahmad,**

Assalamu'alaikum/Salam Sejahtera,

Dengan hormat, merujuk ujian bertulis yang telah awda jalani bagi jawatan **PEGAWAI KERJA KANAN di KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2015/0028/03)**.

Dukacita memaklumkan bahawa permohonan awda adalah tidak berjaya.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam

7. NOTIFIKASI PANGGILAN TEMUDUGA BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

**Yang Mulia,
Awang Mohammad bin Ahmad**

Assalamu'alaikum/Salam Sejahtera,

Dengan hormat, merujuk permohonan awda bagi jawatan **PEGAWAI KERJA KANAN di KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2015/0028/03)**.

Sehubungan dengan itu, sukacita awda akan dapat hadir untuk menjalani temuduga bagi jawatan berkenaan yang akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh/Jam : **15/12/2015 9:00AM**

Tempat : **SPA Tingkat 1**

PERHATIAN

1. Sila bawa bersama dokumen-dokumen asal berikut bagi pengesahan kelayakan dan pengalaman awda sebagaimana yang dinyatakan di dalam profil PSC Recruitment awda:
 - o Kad Pengenalan,
 - o Sijil Kerakyatan (jika berkenaan),
 - o Sijil-sijil kelulusan akademik,
 - o Transkrip kelulusan-kelulusan akademik (jika ada),
 - o Surat-surat atau sijil-sijil akuan kelayakan,
 - o Slip gaji terakhir bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan,
 - o Dokumen-dokumen lain yang berkenaan.
2. Kesemua calon adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang Temuduga yang boleh dimuat turun dari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam iaitu www.spa.gov.bn. Borang Temuduga yang telah lengkap diisikan hendaklah dibawa semasa temuduga dan diserahkan kepada Pengawas Temuduga yang bertugas semasa tarikh temuduga tersebut.
3. Sila pakai pakaian yang menutup aurat dan kemas.
4. Sekiranya awda hadir lewat melebihi 30 minit dari waktu yang dinyatakan atau tidak hadir pada tempat dan masa temuduga yang telah ditetapkan atau hadir tanpa membawa dokumen-dokumen yang dikehendaki di Para [1] dan [2] di atas, maka permohonan awda tidak akan dilayan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan dikira menarik diri dan permohonan awda tidak berjaya.
5. Hasil keputusan temuduga akan dimaklumkan kepada calon setelah selesai diproses.
6. Jika awda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai temuduga, sila hubungi 2381961 sambungan 559.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam

NOTA: Sila rujuk emel terkini yang awda terima untuk mengetahui jadual temuduga awda.

8. NOTIFIKASI TAWARAN YANG BERJAYA BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

**Yang Mulia,
Awang Mohammad bin Ahmad**

Assalamu'alaikum/Salam Sejahtera,

Dengan hormat, merujuk permohonan Pengiran / Awangku / Dayangku / Awang / Dayang bagi jawatan **PEGAWAI KERJA KANAN di KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2015/0028/03)**.

Tahniah dan sukacita memaklumkan bahawa permohonan Pengiran / Awangku / Dayangku / Awang / Dayang bagi jawatan di atas adalah berjaya.

Sehubungan dengan itu:

A. Bagi lantikan baru, surat tawaran lantikan bolehlah diambil di alamat:

Kaunter Tingkat 1,
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Waktu perkhidmatan kaunter:

Pagi : 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Petang : 1.45 petang hingga 4.00 petang

B. Makluman kenaikan pangkat bagi pegawai / kakitangan Kerajaan, akan disampaikan melalui Kementerian / Jabatan masing-masing ditempat Pengiran / Awangku / Dayangku / Awang / Dayang bertugas pada masa ini.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung dengan surat tawaran, awda bolehlah menghubungi kami melalui emel: utl.bmm@spa.gov.bn

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam

9. NOTIFIKASI BAGI YANG TIDAK BERJAYA BAGI ORANG RAMAI DAN JUGA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

**Yang Mulia,
Awang Mohammad bin Ahmad**

Assalamu'alaikum/Salam Sejahtera,

Dengan hormat, merujuk permohonan awda bagi jawatan **PEGAWAI KERJA KANAN di KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2015/0028/03)**.

Dukacita memaklumkan bahawa permohonan awda adalah tidak berjaya.

Sekian sahaja disampaikan.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam